



NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA
No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JB/80/2024

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KELODAK (DESILTING) DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI
KAWASAN KOLAM TADAHAN PRESINT 5, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di dalam **Gred G3: Kategori CE Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **24 OKTOBER 2024 (KHAMIS), JAM 10.00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Blok C, Aras 5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK dan STB** berserta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)** hingga **30 OKTOBER 2024 (RABU)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja di **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Bayaran berjumlah **RM50.00** boleh dilaksanakan menggunakan Kad Debit, Kad Kredit, JomPAY, e-Wallet dan Perbankan Internet.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK, SPKK dan STB** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti di Perenggan 3, sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **05 NOVEMBER 2024 (SELASA)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>


(Ir. Hj. **MARZUKI BIN ABDULLAH**)
NAIB PRESIDEN

Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan
Perbadanan Putrajaya